

SEKTOR SWASTA

PEMACU UTAMA

PERTUMBUHAN EKONOMI

» **Prestasi berkembang 4.7 peratus suku ketiga disokong permintaan domestik kukuh**

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia berkembang 4.7 peratus pada suku ketiga 2015 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, sekali gus memperlihatkan kadar pertumbuhan yang sejajar dengan jangkaan ramai.

Bagi tempoh sembilan bulan pertama 2015, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang 5.1 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus pada suku pertama dan

4.9 peratus pada suku kedua.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata sektor swasta terus menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dari segi penawaran, katanya, semua sektor ekonomi terus berkembang pada suku ketiga, diterajui sektor pembinaan dan perkilangan yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan 9.9 peratus dan 4.8 peratus.

Ekonomi berkembang

Sektor perkhidmatan berkembang perlahan pada 4.4 peratus, begitu juga perlombongan dan pertanian berkembang pada kadar perlahan disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan sawit yang sederhana.

"Meskipun berdepan persekitaran mencabar, kepelbagaian struktur ekonomi membolehkan ekonomi Malaysia berkembang dalam lingkungan 4.0 hingga 5.0 peratus," katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi negara pada suku ketiga 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

Kekal kukuh

Melangkah ke hadapan, Zeti berkata, asas ekonomi negara kekal kukuh dan berada pada landasan mencapai sasaran pertumbuhan sekitar 4.5 peratus hingga 5.5 peratus tahun ini dan 4.0-5.0 peratus pada tahun depan.

Beliau berkata, permintaan domestik akan terus menjadi

pemacu kepada pertumbuhan, disokong oleh aktiviti sektor swasta.

"Pergerakan tukaran asing yang fleksibel, pasaran kewangan matang dan mendalam serta kedudukan institusi kewangan kukuh, akan menyokong arak aliran ini (pertumbuhan kukuh).

• **Bisnes 2**

Meskipun berdepan persekitaran mencabar, kepelbagaian struktur ekonomi membolehkan ekonomi Malaysia berkembang dalam lingkungan 4.0 hingga 5.0 peratus"

Dr Zeti Akhtar Aziz,
Gabenor Bank Negara Malaysia



Kadar inflasi meningkat 3.0 peratus

• **Dari B1**

"Ia juga akan memastikan kejutan seperti aliran modal tidak menentu dapat ditangani, seterusnya meminimumkan kesan limpahan terhadap ekonomi benar," katanya.

Pada suku ketiga 2015, penggunaan swasta mencatatkan pertumbuhan sederhana 4.1 apabila isi rumah terus membuat pelarasan terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), manakala pertumbuhan penggunaan awam menyederhana kepada 3.5 peratus.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.0 peratus berbanding 2.2 peratus pada suku kedua 2015.

Dasar monetari terus tertumpu untuk menyokong pertumbuhan di tengah-tengah usaha mengekang risiko kepada inflasi dengan bank pusat mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 3.25 peratus.

Eksport kasar pulih

Dalam suku dikaji, Malaysia mencatatkan lebih perda-

ngan berjumlah RM22.2 bilion dengan eksport kasar kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan 5.5 peratus, manakala import kasar meningkat 2.9 peratus.

Suku ketiga 2015 juga menyaksikan pertumbuhan dalam hutang isi rumah terus menyederhana yang

mencatatkan pertumbuhan 7.6 peratus, dengan pinjaman perumahan terus menjadi penyumbang terbesar.

Pinjaman perniagaan terkumpul berkembang pada kadar lebih kukuh dengan paras pemberian kredit lebih tinggi terutama kepada sektor perkilangan; perdagangan

borong dan runcit; restoran dan hotel; hartanah dan kewangan; serta insurans dan perkhidmatan kewangan.

Pinjaman syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terkumpul terus berkembang pada kadar 17.6 peratus berbanding 17.1 peratus pada suku kedua 2015.

INFO

Pertumbuhan Ekonomi Malaysia dari suku pertama 2013 - suku ketiga 2015

